

Application of Kamalullah Properties In Taqwa Garden Sufistic Poetry

Penerapan Sifat Kamalullah Dalam Puisi Sufistik Taman Taqwa

Abu Hassan Abdul^a, Azman Bado^a, A. Halim Ali^a, Wahibah Twahir@H Tahir^b

^aFakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjung Malim, Malaysia

^bFakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjung Malim, Malaysia

*Corresponding author: ahassan@fbk.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

Abstract

This article was carried out to identify and to analyse the concept of *Kamalullah* in the collection of poems by Suhaimi Haji Muhammad that utilises the concept of *Kamal* within the theory of *Takmilah*. The study focused on the collection of poems entitled *Taman Takwa* that involved 79 titles related to divinity. The study was qualitatively analysed by implementing subjective statistical evidences. The secondary data were collected based on library research. The result of the study shows that the aspect of *Kamalullah* whether in the form of *ma'ani* (attributes that Allah has to show His perfection) or *maknawi* (attributes that Allah possesses) was successfully conceptualized by the poet. With reference to the 504 words and the adage of *Kamalullah*, were classified within the attribute of *Qudrah*, *Iradah*, *Qaunuhi Sami'an*, *Sama'* and *Mukhalafatuhu lil Hawadith*. From the data, the poet wanted to emphasize on the *ma'ani* approach as compared to the *maknawi* approach through his poetry in delivering the attributes of *Kamalullah* to the readers. This article concluded that muslim poets are responsible to preach to the society in understanding the concept and the discourse of *Kamalullah* by utilising their talent, creativity and also wisdom in the poetry creation.

Keyword: *Kamalullah*; *takmilah* theory; poem; divinity; creativity

Abstrak

Makalah ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis konsep *Kamalullah* dalam puisi Suhaimi Haji Muhammad dengan berpandukan prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* dalam teori *Takmilah*. Kajian ini memfokuskan kepada puisi-puisi sufistik *Taman Takwa* melibatkan 79 judul puisi berkaitan ketuhanan. Analisis kajian menggunakan kaedah kualitatif yang diimplementasi menerusi kajian teks serta diperkuatkan dengan bukti-bukti statistik subjektif. Data sekunder dikumpul menerusi kajian kepustakaan. Dapatkan kajian membuktikan aspek *Kamalullah* berbentuk *ma'ani* ataupun *maknawi* berjaya diterapkan oleh penyair. Daripada 504 perkataan, sifat *Kamalullah* jelas terungkap dengan didahului oleh sifat *Qudrah*, *Iradah*, *Qaunuhi Sami'an*, *Sama'* dan *Mukhalafatuhu lil Hawadith*. Daripada data menjelaskan bahawa penyair menekankan pendekatan *ma'ani* berbanding pendekatan *maknawi* dalam menyampaikan sifat-sifat *Kamalullah* kepada para pembaca menerusi puisi. Artikel ini menyimpulkan bahawa penyair muslim bertanggungjawab mendakwahi masyarakat dalam memahami konsep dan wacana *Kamalullah* dengan cara memanfaatkan bakat kesenian, kreativiti dan kebijaksanaan mereka dalam berpuisi.

Kata kunci: *Kamalullah*; teori *takmilah*; puisi; ketuhanan; kreativiti

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENDAHULUAN

Tuhan dan manusia tidak dapat dipisahkan dalam memahami konsep hubungan *khaliq* (pencipta) dengan *makhluk* (yang dicipta). Allah juga memerintahkan kepada hamba-hamba-Nya agar sentiasa mengingati-Nya sepetimana dalam firman Allah:

فَادْكُرُونِي أَذْكُرْتُمْ وَإِنْ كُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونَ

Maksudnya: Ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku). (Surah *al-Baqarah*, 2:152).

Sebagai hamba kepada Tuhan, setiap muslim selalu berikrar dalam doa *iftitah* setiap kali solat yang bermaksud “Sesungguhnya solatku, amalanku, hidupku dan matiku hanya kerana Allah Taala”. Dengan ini, semua hamba sepatutnya sentiasa mengingati Allah dalam segenap

aspek kehidupan seharian, termasuklah berkarya khususnya bagi karya-karya yang bercirikan Islam tidak dapat tidak harus dikaitkan dengan Allah SWT dan sifat-sifat-Nya. Hal ini bermakna tidak akan sempurna sesuatu percakapan atau penulisan yang berkaitan dengan Islam sekiranya tidak disandarkan kepada Allah yang Maha Esa.

Apabila membicarakan tentang sifat Allah yang Maha Esa, maka ilmu tentang *Asma' al-Husna* (nama-nama Allah) dan juga sifat *al-'Ala* (sifat yang Maha Tinggi) perlu difahami. Tidak ada mana-mana kitab yang masyur yang membicarakan hal akidah Islam tanpa disandarkan kepada nama Allah dan sifat-Nya, dan juga kepada hadis Nabi Muhammad SAW. Oleh hal demikian dijelaskan oleh Salehuddin (2004) tidak akan tercapai kesempurnaan dalam satu-satu ibadah termasuklah dalam penulisan puisi mahupun prosa jika tidak didasarkan kepada nilai-nilai ketuhanan tersebut. Kebanyakan penyair yang berjiwa Islami menyedari akan hakikat ini. Namun begitu, tidak semua yang mampu menghazamkan nilai-nilai ini secara kreatif dan puitis dalam puisi-puisi mereka. Hal ini sangat berkait sejauh mana ilmu pengetahuan mereka tentang sifat-sifat Allah SWT.

■2.0 KONSEP PUISI ISLAM

Puisi berkembang dalam masyarakat Islam sehingga mendapat perhatian yang amat luas dalam kalangan pengkaji sastera. Dalam sejarah Timur Tengah, masyarakat Arab terkenal sebagai bangsa yang menaruh perhatian besar terhadap puisi. Pada zaman *Jahiliyyah*, para penyair cederung menghasilkan syair yang mengandungi unsur maksiat atau syair yang memuja keindahan wanita daripada yang zahir kepada yang sehalus-halusnya termasuklah tentang hubungan seks (Balqis, 1981).

Sejarah bangsa Arab mencatatkan para penyair zaman *Jahiliyyah* hidup dalam keadaan yang tidak beradab dan hanya mengutamakan hawa nafsu. Mereka umpama manusia gelandangan, bergelumang dengan maksiat dan ada yang mencipta syair untuk memuja patung berhala. Pada setiap tahun diadakan sayembara untuk memilih syair yang terbaik dan syair yang terpilih akan digantung di Kaabah. Sanjungan ini merupakan penghormatan yang tertinggi kepada penyair pada zaman itu (Balqis, 1981).

Dalam situasi masyarakat yang sudah hilang nilai manusiawi ini menurut Ahmad Kamal Abdullah (1988), al-Quran tetap memberi perhatian khusus kepada penyair yang memiliki bakat dan kreativiti sebegini. Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui keadaan manusia yang dinamakan penyair ini. Kejahilan, keingkar dan sifat munafik golongan penyair yang mempertuhankan hawa nafsu inilah yang ditentang oleh al-Quran. Allah dengan tegas berfirman dalam surah *al-Shu'ara'* (penyair),

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُمُ الْغَلُوْنَ * أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهْيُمُونَ * وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: ... "para penyair itu dituruti oleh golongan yang sesat. Tidakkah engkau melihat mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala pada setiap lembah (khayal dan angan-angan kosong). Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka sendiri tidak melakukannya". (Surah *asy-Syu'ara'*, 26:224-226).

Namun begitu, ini bukan bermakna semua penyair memiliki sikap sedemikian. Allah SWT memberikan pengecualian iaitu, "...penyair yang beriman, yang melakukan amalan yang soleh dan sentiasa mengingati Allah" (Surah *asy-Syu'ara'*, 26: 227). Dalam konteks ilmu *al-Balaghah* (retorika) sekiranya kita meneliti al-Quran, jelas bahawa ayat-ayat Allah yang diturunkan kepada hamba-Nya mengandungi ungkapan yang amat indah sehingga menjentik rasa dan jiwa mereka yang berilmu. Selain memiliki ciri-ciri estetika yang tersendiri, al-Quran menerusi perantara Rasul-Nya memberikan panduan kepada penyair muslim bahawa al-Quran mengalu-alukan kreativiti akal fikiran dengan maksud - gerak kalbu, ilham dan perasaan yang dipancarkan dalam puisi haruslah tidak bercanggah dengan hukum syara' serta membawa nilai-nilai Islami yang diredai Allah SWT. Maka dalam hubungan inilah Nabi Muhammad dalam kutipan hadis-hadis saih menggalakkan penyair Islam menulis puisi untuk menandingi syair-syair *Jahiliyyah* yang selalu memperolok-olokkan ajaran Islam.

Sebagai cabang ilmu kesusteraan, puisi Islami menurut A. Halim Ali (2015) dapat menyuburkan semangat berjihad dan mengembangkan syiar Islam, manakala dalam konteks yang lebih holistik kekuatan syair dan penyair jika dibandingkan dengan kekuasaan Allah SWT bagaikan secebis zarah yang amat kecil daripada seluruh kebijaksanaan-Nya. Meskipun nilai penyair tampak begitu kerdil, namun sebagai khalifah di bumi, penyair mewarisi tanggungjawab besar untuk menyampaikan risalah dakwah kepada mereka yang hati nuraninya cenderung kepada aspek-aspek kesenian.

Maka atas dasar ini menurut Mana Sikana (1983), tugas penyair muslim ialah membaiki akhlak antara makhluk dengan *Khalik*. Kesan daripada puisi yang digubah itu dapat dijadikan penanda aras sama ada puisi tersebut berjaya atau tidak membawa perutusan dakwah *Islamiyyah* kepada manusia.

Menyentuh tentang teori pula, terdapat usaha para sarjana untuk membangunkan teori sastera Islami di Alam Melayu. Antara yang popular ialah teori *Takmilah* oleh Shafie Abu Bakar. Terdapat tujuh prinsip utama teori ini iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*; prinsip kerasulan yang bersifat *Kamil*; prinsip keislaman yang bersifat *Akmal*; prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul*; prinsip sastera yang bercirikan estetik dan bersifat *Takmilah*; prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri, dan terakhir prinsip khalayak bertujuan memupuk manusia ke arah insan *Kamil*.

Menurut Samsina Abd Rahman (2013), rangka teori *Takmilah* bersifat holistik yang melibatkan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, perkarya dan khalayak. Teori ini diperkuuhkan daripada pelbagai prinsip keislaman dan persuratan. Ia tidak bersifat awang-awang tetapi dapat dibuktikan daripada realiti yang berlaku dalam persuratan Islam itu sendiri. Namun begitu, istilah-istilah yang digunakan bagi tujuh prinsip ini ada perbezaannya, iaitu *Kamal*, *Kamil*, *Akmal*, *Takamul*, *Takmilah*.

Semua istilah ini berasal daripada kata akar yang sama, iaitu "*Kamal*" (sempurna) yang darinya dibentuk istilah "*Takmilah*" (menyempurnakan). *Kamal* ialah sifat Allah yang bermaksud sempurna. Sifat *Kamal* ini bertalian pula dengan sifat *Jamal* Allah. Sifat *Jamal* yang membawa maksud indah merujuk kepada Allah yang Maha Indah dan Keindahan Allah itu turut terperancar menerusi makhluk ciptaan-Nya. Keindahan sifat Allah ini mencerminkan kesempurnaan Allah sebagai Pencipta. Sifat *Jamal* Allah inilah yang dihubungkan kepada kesusteraan sebagai suatu hasil kreativiti makhluk-Nya yang indah dan penuh dengan nilai estetika.

Proses pengindahan dalam sastera yang dipanggil *Kamal, Kamil, Akmal, Takamul* ini merupakan suatu proses untuk menuju kepada kesempurnaan yang dikenali sebagai *Takmilah*. Proses keindahan sastera untuk menuju kepada tingkat kesempurnaan itu tidak hanya melibatkan unsur ekstrinsic atau struktur binaan sesebuah karya semata-mata, tetapi lebih jauh merupakan manifestasi diri pengarangnya untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan menerusi sastera untuk mencapai tahap kesempurnaan sebagai makhluk atau hamba Allah.

Sastera Islam diterima sebagai satu aspek yang boleh digunakan seperti dalam melahirkan rasa keagungan kepada sang pencipta. Sastera juga menjadi alat dalam pelajaran, sekaligus merupakan wahana pendidikan yang penting di dalam menanamkan rasa keinsanan dan keislaman melalui pembacaan. Melaluinya dapat mendekatkan diri ke arah yang lebih sempurna (Shafie Abu Bakar, dalam Zailani Zawawi, 2011).

Dalam pada itu, penelitian menunjukkan kajian berkaitan konsep ketuhanan dalam puisi Islami masih kurang diterokai. Yang dapat dikesan ialah hasil analisis Achma Arfinanto Arsyadani (2000) yang berjudul *Pemikiran Ketuhanan dalam Puisi Chairil Anwar*, seterusnya tulisan Samsina Abd. Rahman (2013) *Kembali ke Fitrah dalam Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad*, kajian Faridah Mohammad Saad (2006) yang berjudul *Aplikasi Takmilah dalam Puisi al-Amin*, makalah oleh Rahmah dan Mohd Sharizal (2011) berjudul *Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd. Affandi dengan Abu al-Hassan al-Nadwi* dan kajian oleh Zailani Zawawi (2011) bertajuk *Novel The Messing Piece: Analisis dari Perspektif Teori Takmilah*.

■3.0 ISU DAN PERMASALAHAN

Persoalan tentang sastera Islam khususnya konsep *Kamalullah* dalam puisi Melayu serta bagaimanakah konsep itu diterapkan, dan apakah pula motif di sebalik penerapan konsep tersebut masih menjadi topik perbincangan hangat dalam kalangan agamawan sastera. Sayyid Qutb menjelaskan bahawa sastera Islam bermaksud satu ungkapan yang berkaitan dengan pengalaman perasaan mengenai gambaran kehidupan (Qutb, t.th: 87). Bagi 'Abd al-Rahman Ra'fat al-Basha bahawa sastera Islam ialah ungkapan seni yang indah dan berobjektif tentang realiti kehidupan, cekerawala dan manusia menurut naluri penulis, menerusi ungkapan yang berasaskan *tasawwur* Islam tentang Pencipta dan sekalian makhluk ciptaan-Nya, dan ia tidak ketandusan dengan nilai-nilai Islam (al-Basha, 1998). Pendefinisian al-Basha tentang sastera Islam ini menyamai kupasan oleh Muhammad Qutb (Qutb, t.th) dan Abu al-Hassan Ali an-Nadwi (an-Nadwi, 1985).

Dalam hubungan puisi dengan ketuhanan pula, Mana Sikana (1983), berpendapat sastera Islam yang tercakup di dalamnya konsep ketuhanan merupakan perakaman yang terdiri daripada sesuatu yang mutlak yakni akidah, syariah dan rohnya mestilah selaras dengan al-Quran dan Hadis yang mana kandungannya itu tidak berubah, manakala pembinaan sastera Islam pula harus memiliki ciri yang mendorong kepada pembentukan akhlak.

Sebaliknya Shafie Abu Bakar (1997) menyatakan sastera Islam merupakan gambaran yang dicerakim daripada kehidupan masyarakat dan bertujuan memberi pendidikan serta bimbingan ke arah menghayati nilai-nilai Islami yang lebih *syumul*. Dalam konteks yang sama, Shahnon Ahmad (1981) menjelaskan bahawa sastera Islam merupakan "sastera kerana Allah dan berhikmah untuk manusia."

Mohd. Kamal Hassan (1980) pula berpendapat melalui karya Islam terdapat ilham atau inspirasi yang datang daripada Allah untuk diamanahkan supaya sampai kepada makhluk lain. Kesan kebenaran yang ditinggalkan oleh karya sastera Islam merupakan kesan mistik yang lebih mendekatkan manusia kepada pencipta-Nya serta menampakkan keindahan dan kebenaran yang hakiki. Kesan-kesan yang berunsur hiburan nafsu semata-mata adalah ditolak oleh sesuatu pengucapan seni Islam termasuk karya sastera Islam.

Bagi Mustafa Mohd. Isa (1992) kesusasteraan ialah salah satu daripada cabang kebudayaan secara menyeluruh yang melambangkan sebahagian daripada ciri-ciri kehidupan sesuatu bangsa melalui pemikiran kreatif. Oleh yang demikian, kesusasteraan yang mempunyai unsur Islam sangat wajar diciptakan, terutama oleh para sasterawan Islam itu sendiri. Sebaliknya bagi pencipta teori *Takmilah*, Shafie Abu Bakar (1997), sastera Islam merupakan gambaran yang ditimba daripada masyarakat dan bertujuan untuk memberi pendidikan serta bimbingan ke arah menghayati nilai-nilai yang lebih sempurna.

Sejarah memaparkan penyair muslim di Nusantara mendapat manfaat yang besar daripada al-Quran, maka atas kesedaran untuk memanfaatkan nilai-nilai al-Quran banyak diksi Islami telah mempengaruhi puisi atau syair Melayu sejak zaman lampau. Hakikat ini terlihat jelas jika dirujuk syair sufistik karya Hamzah Fansuri seperti syair *Perahu*, syair *Dagang* dan syair *Si Burung Pingai* yang dikatakan ditulis pada awal abad ke-17. Motif syair-syair Hamzah Fansuri menurut Abdul Hadi W.M (1995) tidak lain adalah untuk menyatakan sifat Allah yang kekal, tidak mati dan tidak berkesudahan.

Bagi penyair sufi ini, Allah tidak boleh dibuat perbandingan, tidak seperti binatang, matahari dan tidak pula seperti bulan. Allah yang menjadikan seluruh manusia dan pekerjaannya, Dia Maha Mendengar dan yang mengajar manusia dan sumber segala ilmu. Malah sejak dahulu dan akan datang, Allah sama sahaja yakni tidak berubah, bersifat dengan sifat *Kamalullah* dan bertentangan dengan sifat manusia yang lemah.

Bukti kewujudan Allah ialah wujudnya manusia, alam sarwajagat dan sebagainya. Daripada sifat *Kamalullah* ini, maka terbitlah uitaian kata sesiapa yang mengenali hakikat dirinya, maka dia telah mengenali Allah. Konsep ini mengertikan bahawa manusia merupakan makhluk yang lemah, fana dan ada kesudahannya, maka tidak boleh menandingi sifat Allah yang *Kamalullah*. Inilah manifestasi, simbolisme dan motif-motif yang dapat dirasakan daripada syair-syair Hamzah Fansuri. Dengan demikian jelaslah bahawa syair ataupun puisi memiliki kekuatan tersendiri dan berupaya membawa mesej ketuhanan terutama kepada golongan seniman atau sasterawan yang lebih halus dan lebih tajam kepekaannya terhadap nilai-nilai yang berbentuk filosofis.

■4.0 METODOLOGI DAN BATASAN KAJIAN

Makalah ini memfokuskan analisis puisi sufistik Taman Takwa oleh Suhaimi Haji Muhammad (2009) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Sebanyak 504 perkataan daripada 79 judul puisi dianalisis berdasarkan teori *Takmilah*. Walau bagaimanapun, makalah ini hanya memilih prinsip pertama sebagai landasan kajian, iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*.

Data kajian dianalisis menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian teks serta diperkuuhkan dengan bukti-bukti statistik subjektif. Data sekunder dikumpul menerusi kajian kepustakaan. Aspek kandungan yang dianalisis memfokuskan sifat *Kamal* Tuhan yakni 20 sifat

Allah SWT seperti yang dibincangkan Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad al-Kelantani dalam bukunya *Usul al-Tahqiq* (2013). Beliau mengelompokkan 20 sifat Allah kepada empat kategori, iaitu *nafsiah*, *salbiah*, *ma'ani* dan *maknawi*.

■5.0 ANALISIS KONSEP KAMALULLAH DALAM PUISI

Berdasarkan analisis ke atas 79 buah puisi yang termuat dalam kumpulan puisi Taman Takwa, kajian ini menemukan 20 sifat Allah SWT, iaitu *Wujud*, *Qidam*, *Baq'a*, *Mukhlafatuhu lilhawadis*, *Qiamuhu Binafsish*, *Wahdaniah*, *Qudrat*, *Iradah*, *Ilmu*, *Hayyat*, *Sama'*, *Basar*, *Kalam*, *Kaunuuhu Qadiran*, *Kaunuuhu Muridan*, *Kaunuuhu Hayyan*, *Kaunuuhu 'Aliman*, *Kaunuuhu Sami'an*, *Kaunuuhu Basiran* dan *Kaunuuhu Mutakaliman*, sebagaimana dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Statistik Sifat *Kamalullah* yang terdapat dalam puisi Taman Takwa

Sifat Allah	Kategori	Bilangan	Peratus %
<i>Qudrah</i> (قدر)	<i>Ma'ani</i>	124	24.60
<i>Iradah</i> (إراده)	<i>Ma'ani</i>	94	18.65
<i>Sama'</i> (سمع)	<i>Ma'ani</i>	30	5.95
<i>Ilmu</i> (علم)	<i>Ma'ani</i>	18	3.57
<i>Basar</i> (بصر)	<i>Ma'ani</i>	10	1.98
<i>Kalam</i> (كلام)	<i>Ma'ani</i>	5	0.99
<i>Hayyat</i> (حياة)	<i>Ma'ani</i>	4	0.79
<i>Kaunuuhu Samian</i> (كونه سمیعا)	<i>Maknawi</i>	35	6.94
<i>Kaunuuhu 'Aliman</i> (كونه عالما)	<i>Maknawi</i>	24	4.76
<i>Kaunuuhu Qadiran</i> (كونه قادر)	<i>Maknawi</i>	23	4.56
<i>Kaunuuhu Muridan</i> (كونه مرید)	<i>Maknawi</i>	23	4.56
<i>Kaunuuhu Basiran</i> (كونه بصیر)	<i>Maknawi</i>	14	2.77
<i>Kaunuuhu Hayan</i> (كونه حان)	<i>Maknawi</i>	3	0.59
<i>Kaunuuhu Mutakalliman</i> (كونه متكلما)	<i>Maknawi</i>	2	0.39
<i>Wujud</i> (وجود)	<i>Nafsiah</i>	23	4.56
<i>Mukhlafatuhu lilhawadith</i> (مخالفته للحوادث)	<i>Salbiah</i>	25	4.96
<i>Wahdaniah</i> (وحدانية)	<i>Salbiah</i>	21	4.16
<i>Baq'a</i> (بقاء)	<i>Salbiah</i>	15	2.97
<i>Qiamuhu Binafsish</i> (قیامه بنفسه)	<i>Salbiah</i>	8	1.58
<i>Qidam</i> (فُم)	<i>Salbiah</i>	3	0.59
Jumlah		504	100

5.1 Sifat *Ma'ani*

Sifat 20 yang paling banyak digunakan oleh penulis ialah sifat *Qudrah*, iaitu tergolong dalam kategori *ma'ani* dengan jumlah 124 (24.60%) kali ungkapan atau frasa. Seterusnya sifat *Iradah* berjumlah 94 (18.65%) ungkapan, diikuti sifat *Sama'* 30 ungkapan (5.95%), *Ilmu* 18 ungkapan (3.57%), *Basar* 10 ungkapan (1.98%), *Kalam* 5 ungkapan (0.99%) dan *Hayyat* 4 ungkapan (0.79%).

5.2 Sifat *Maknawi*

Dalam kategori *Maknawi*, sifat *Kaunuuhu Samian* mencatat jumlah 35 ungkapan (6.94%), *Kaunuuhu A'liman* merekodkan 24 ungkapan (4.76%), *Kaunuuhu Qadiran* dengan bilangan 23 ungkapan (4.56%), *Kaunuuhu Muridan* 23 ungkapan (4.56%), *Kaunuuhu Basiran* 14 (2.77%), *Kaunuuhu Hayyan* 3 ungkapan (0.59%), manakala *Kauhubu Mutakalliman* mencatat bilangan 2 (0.59%).

5.3 Sifat *Nafsiah*

Dalam kategori *Nafsiah* pula hanya sifat *Wujud* yang tersenarai dengan bilangan 23 ungkapan (4.56%).

5.4 Sifat *Salbiah*

Sifat *Mukhalafatuhu lighthawadith* dalam kategori *Salbiah* mencatat 25 ungkapan (4.96%), manakala sifat *Wahdaniah* terdapat 21 ungkapan (4.16%). Sifat *Baqar* merekod 15 ungkapan (2.97%), Dalam kelompok terendah, tersenarai sifat *Qiamuhu Binafsih* mencatat 8 ungkapan (1.58%), manakala sifat *Qidam* mencatat 3 ungkapan (0.59%).

Daripada 20 sifat yang dikaji ditemukan lima sifat *Kamalullah* yang paling tinggi penerapannya, iaitu: *Qudrat* (قدرة), *Iradah* (إراده), *Kaunuhu Samian* (كونه سميان), *Sama'* (سمع) dan sifat *Mukhlafatuhu lighthawadith* (مخالفت للحوادث), manakala lima sifat yang terendah ialah *Kalam* (كلام), *Hayyat* (حياة), *Kaunuhu Hayan* (كونه حي), *Qidam* (قديم) dan *Kaunuhu Mutakkallim* (كونه متكلما). Motif penyair menekankan lima sifat tertinggi dan lima sifat terendah ini antaranya kerana sebelum dicipta, semasa hidup di dunia, di alam kubur dan hari kebangkitan, malah semasa di dalam syurga ataupun neraka, semua manusia tidak terlepas daripada genggaman dan kekuasaan Allah.

Selain itu penyair juga ingin menunjukkan hubungan erat sifat-sifat tersebut dengan kualiti iman dan juga betapa penting suruhan agar setiap manusia merendahkan diri kepada Allah yang bersifat *Kamalullah*. Dari satu sudut pula Allah sebagai Tuhan semesta alam sudah wujud sejak azali. Dia mencipta segala isi langit dan bumi dan antara kedua-duanya dengan *iradah*-Nya. Motif ini selaras dengan kupasan oleh Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusuf dalam *Risalah Tauhid* (1952) bahawa pengertian *Qudrah* itu bermaksud sifat Allah yang Maha Berkusa atas segala sesuatu dan juga bagi tujuan meninggikan zat Allah itu sendiri.

Bagi membuktikan wujudnya sifat *Kamalullah* dalam puisi-puisi sufistik Taman Takwa, maka berikut ini diuraikan empat contoh bait puisi dari segi sifat *Qudrah*, *Iradah*, *Kaunuhu Sami'an* dan *Sama'*.

i. *Qudrah* (قدرة)

Sifat *Qudrah* bermaksud Berkusa atau Kekuasaan Allah SWT, yakni kekuasaan Allah di atas segala sesuatu itu yang bersifat Mutlak, tidak ada batasannya dan tidak ada yang membatasinya, baik terhadap zat-Nya sendiri maupun terhadap makhluk-Nya (Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad, 2013). Sifat ini sangat berbeza dengan kekuasaan manusia dan dengan makhluk-makhluk yang lain, kerana makhluknya itu memiliki batasan dan ada yang membatasinya.

Salehuddin (2004) menegaskan bahawa hakikat sebenar sifat *Qudrah* Allah SWT ialah merupakan suatu sifat yang *qadim* lagi azali yang berdiri pada zat Allah, dan Dia mengadakan tiap-tiap yang ada dan mentiadakan tiap-tiap yang tiada. Akan tetapi sebahagian manusia di dunia hari ini telah terlupa atau sengaja melupakan akan kekuasaan Allah apabila mereka mendapat sesuatu kekayaan, darjah dan nikmat-nikmat lain, maka mereka mula menindas dan menzalimi orang lain.

Mereka bermegah dengan apa yang mereka ada tanpa menyedari bahawa semua nikmat dan kekuasaan yang dimiliki merupakan anugerah daripada Allah yang Maha Esa. Allah berkusa untuk menarik balik kesemua nikmat yang diberi kepada manusia itu. Dalam konteks akidah, sifat *Qudrah* berperanan besar kepada manusia seperti diungkapkan oleh penyair dalam puisi Taman Takwa sebagaimana dalam Jadual 2.

Jadual 2 Petikan puisi ke-14 yang merujuk sifat *Qudrah*

P14-4	baris 30-41	hlm 27	judul Allah mencintai keindahan	Panah ribut dan lembing taufan yang Engkau kirimkan menjadi bukti kepadaku, bahawa Engkau Maha Kuasa mengirimkan kerajaan hujan dan kerajaan banjir di muka bumi ini dan apabila ini berlaku, maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat menentang kuasa-Mu tidak ada budaya senjata manusia yang upaya menghalang kemahuan-Mu semua manusia, dan segala-galanya, akan terguling kaku di bawah cakar ajal azali yang Engkau rencanakan
-------	----------------	-----------	------------------------------------	--

Frasa 'Maha Kuasa dan Kuasa-Mu' menjelaskan bahawa setiap muslim harus yakin dari sudut kepercayaan atau akidah bahawa hujan atau ribut taufan yang berlaku semata-mata untuk membuktikan akan kekuasaan-Nya sekaligus untuk menguatkan lagi keyakinan dan ketakwaan mereka yang beriman kepada-Nya mencapai tahap yang lebih tinggi dan lebih sempurna.

Begini juga ungkapan "...Panah ribut dan lembing taufan yang Engkau kirimkan menjadi bukti kepadaku, bahawa Engkau Maha Kuasa mengirimkan kerajaan hujan dan kerajaan banjir di muka bumi ini..." Penyair telah membuktikan bahawa semua yang Allah kirimkan itu adalah untuk membuktikan sifat Maha Kuasa-Nya. Selain itu, penyair mengingatkan bahawa "...dan apabila ini berlaku, maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat menentang kuasa-Mu, tidak ada budaya senjata manusia yang upaya menghalang kemahuan-Mu..." Semua perkara yang berlaku itu atas kehendak-Nya, tidak ada sesiapapun di dunia ini yang dapat menghalang-Nya, walau dengan segala kecanggihan sains dan teknologi moden.

Perkara ini sejajar dengan konsep *Kamalullah* berkaitan sifat *Qudrah* Allah, serta menepati pula dengan prinsip pertama dalam teori *Takmilah* yang menggariskan Tuhan yang bersifat *Kamal*. Melalui analisis sifat Allah di bawah prinsip *Kamal* berupaya menjelaskan bahawa sifat *Kamalullah* memang layak bagi Allah yang berkusa atas segala sesuatu, manakala manusia sangat daif untuk menghalang segala kehendak Allah SWT.

ii. Sifat *Iradah* (إراده)

Iradat ertinya berkehendak. Allah SWT menciptakan alam berserta isinya atas kehendak-Nya sendiri tanpa ada paksaan daripada pihak lain atau campur tangan daripada mana-mana makhluk. Apapun yang Allah SWT berkehendak pasti terjadi, begitu juga setiap yang Allah SWT tidak berkehendak pasti tidak terjadi (Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad, 2013). Hal ini bertepatan sepertimana firman-Nya dalam surah *Yasin*:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksudnya: Sesungguhnya perintah-Nya apabila dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata: “Jadilah, maka terjadilah. (Surah *Yasin*, 36: 82)

Analisis menunjukkan sifat *Iradah* Allah merujuk sifat dalam kategori *ma'ani*, iaitu susunan yang kedua terbanyak selepas sifat *Qudrah* Allah. Sifat *Iradah* yang digunakan oleh penyair dalam puisi *Taman Takwa* terdapat pada 94 ungkapan, iaitu enam yang disebut secara jelas dengan menggunakan kata-kata yang hakiki *Iradah* atau kehendak Allah, manakala baki 88 ungkapan lagi dinyatakan secara *majazi* (kiasan). Sifat *Iradah* yang terdapat dalam puisi *Taman Takwa* adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Petikan puisi ke-5 yang merujuk sifat *Iradah*

P51-1	baris 1	hlm 98	judul Rayuan sebutir debu	Ini padang pasir, bayangan Kudrat dan Iradat-Mu – yang maha perkasa dan maha perencana
-------	------------	-----------	------------------------------	--

Pada petikan P51-1, penyair menyatakan “... Ini padang pasir, bayangan Kudrat dan *Iradat-Mu* – yang maha perkasa dan maha perencana...”. Menerusi bait puisi ini penyair secara sufistik membawa kita meneliti tentang makhluk Allah yang diciptakan-Nya dengan kuasa dan kehendak-Nya.

Padang pasir yang terbentang luas dengan gurun gersang yang panas membahang, namun dalam keadaan yang sebegini masih ada kehidupan yang Allah tebarkan di situ untuk memenuhi keperluan manusia dalam kehidupan sehari-hari. Inilah tanda maha luas kurniaan Allah yang tidak terjangkau oleh fikiran manusia yang lemah.

Terdapat beberapa kisah yang difirmankan oleh Allah dalam al-Quran tentang kisah Bani Israil yang disesatkan oleh-Nya di padang pasir dan kisah Nabi Ibrahim bersama isteri dan anak kesayangannya Ismail. Mereka berdua ditinggalkan di tengah padang pasir yang kering tandus. Tidak ada rumah dan tempat berteduh. Dalam keadaan begini pun dengan *Iradah* Allah dan dengan *Qudrah*-Nya, Allah mengurnikan nikmat kehidupan yang sangat luar biasa bagi memenuhi kehidupan mereka (Hikmat Basyir, et al. 2009).

Lantaran itu menurut Salehuddin (2004) sifat *Iradah* Allah hanya layak bagi-Nya sahaja, bermaksud kehendak dalam menciptakan semua makhluk-Nya. Semua ini untuk membuktikan bahawa Dialah Allah yang bersifat dengan *Kamal* dan tidak ada mana-mana makhluk-Nya yang dapat menahan daripada kehendak-Nya.

Manusia diberi akal untuk berfikir dan berusaha, namun keputusan akhir adalah atas kehendak Allah jua. Kehendak makhluk tidak boleh mengatasi kehendak Penciptanya. Makhluk hanya boleh berusaha, berdoa, bertawakal dan reda akan segala ketentuan Allah. Proses ini merupakan sifat *Qudrah* dan *Iradah*-Nya (Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad, 2013).

iii. Sifat *Kaunuhi Sami'an* (كونه سميا)

Kaunuhi Sami'an ialah sifat yang berkesinambungan dengan sifat *Sama'*. Namun, kedua-dua sifat ini mempunyai perbezaan dari segi fungsi. Perbezaannya ialah sifat *Kaunuhi Sami'an* lebih kepada pendengaran Allah SWT setelah diwujudkan-Nya alam ini menerusi sifat *Qudrah* dan *Iradah*. Dengan maksud lain apabila Allah SWT telah mencipta alam, maka alam ini pada masa sekarang dan akan datang adalah di dalam takluk *Kaunuhi Sami'an*. Ertinya, alam ini di bawah pendengaran-Nya tanpa alat atau *wasilah*. Hakikat ini membuktikan bahawa sifat dalam semua kategori *maknawi* tidak jauh berbeza dengan mana-mana sifat dalam kategori *ma'ani* seperti sifat *Sama'* dengan *Kaunuhi Sami'an*. Sehubungan itu penyair menghubungkan sifat *Kaunuhi Sami'an* secara kiasan seperti lantunan puisinya dalam Jadual 4.

Jadual 4 Petikan puisi ke-77 yang merujuk sifat *Kaunuhi Sami'an*

P77-1	baris 1	hlm 158	judul Peristiwaku di masjid Nabawi	Tuhan, kini aku ingin bertanya kepada-Mu
-------	------------	------------	---------------------------------------	--

Pada bait puisi P77-1, penyair mengungkapkan “... Tuhan, kini aku ingin bertanya kepada-Mu ...”. Bait puisi ini bermaksud jika seseorang itu tidak yakin kepada siapa soalan itu hendak ditujukan nescaya soalan itu tidak akan wujud. Analoginya adalah mustahil bagi seseiapapun untuk bercakap seorang diri tanpa ada sesiapa yang mahu mendengarnya. Dengan erti kata lain apabila berdoa setiap muslim harus benar-benar yakin dengan keadaan Allah yang sentiasa mendengar luahan para hamba-Nya. Ia sekaligus melambangkan

keyakinan akan sifat *Kaunuhu Sami'an* dalam munajat kepada *Rabb* (Tuhan). Konsep yang sama terdapat dalam bait puisi sebagaimana Jadual 5.

Jadual 5 Petikan puisi ke-36 yang merujuk sifat *Kaunuhu Sami'an*

P36-1	baris 1	hlm 73	Para perindu itu	Ya tuhan, para perindu-Mu mengeluarkan air mata, mengeluarkan air mata kerana memohon ampun daripada-Mu
-------	------------	-----------	------------------	--

Penyair dalam puisi ini menjelaskan setiap mukmin harus mengetahui bahawa yang dapat mendengar bisikan hati dan permintaan hanyalah Allah, manakala doa yang kudus dan tulus daripada hamba-Nya dengan linangan air mata merupakan bukti kesungguhan dan harapan menggunakan kerana mengharapkan keampunan-Nya.

iv. *Sama'* (سمع)

Sama' ertinya Mendengar. Allah SWT mendengar setiap suara di alam semesta ini. Tidak ada suara yang terlepas daripada pendengaran Allah meskipun suara itu amat perlahan seperti bisikan hati manusia. Pendengaran Allah tidak terhalang oleh apapun halangan. Suara yang jauh mahupun suara yang dekat sama sahaja bagi Allah. Hal ini berbeza dengan pendengaran makhluk yang dibatasi oleh ruang, waktu, jauh dan dekat. Dalam puisi berjudul 'Di tanah perkuburan ini,' penyair melontarkan bait puisi yang merujuk sifat *Sama'* seperti dalam Jadual 6:

Jadual 6 Petikan puisi ke-10 merujuk sifat *Sama'*

P10-5	baris 68	hlm 22	judul Di tanah perkuburan ini	Engkau mendengarkan semuanya
-------	-------------	-----------	----------------------------------	------------------------------

Pada bait puisi P10-5, penyair bermadad "...Engkau mendengarkan semuanya ...". Motif penyair adalah untuk menggambarkan sifat *Sama'* Allah yang sentiasa mendengar semua perbualan sama ada dalam bentuk bisikan atau apa yang terlintas di hati. Dengan itu manusia haruslah berhati-hati dalam pertuturan mereka kerana ada pendengar yang Maha Berkuasa sentiasa mendengar perbualan tersebut. Bahkan semua perbualan manusia direkodkan secara terperinci oleh malaikat-malaikat-Nya. Mereka tidak lalai walau sepatutnya perkataan yang kita tuturkan sepertimana firman Allah dalam surah *Qaf*:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَذِينَ رَقِيبُ عَنِيهِ

Maksudnya: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya). (Surah *Qaf*, 50: 18).

Dengan demikian jelaslah bahawa sifat *Qudrah*, *Iradah*, *Kaunuhu Sami'an* dan *Sama'* yang telah dikupas sangat berkait dengan sifat Allah yang Maha Sempurna seperti di tegaskan dalam prinsip pertama teori *Takmilah*. Secara keseluruhan, dapatkan kajian membuktikan bahawa terdapat ciri-ciri *Kamalullah* dalam puisi Taman Takwa yang diterapkan oleh penyair menerusi kata, frasa dan klausa yang dilentur secara kreatif. Dapatkan ini pula sejajar dengan prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* serta menepati penjelasan para ulama berdasarkan metodologi keilmuan Islam, khususnya yang berkaitan dengan ilmu Tauhid.

■6.0 KESIMPULAN

Makalah ini telah membuktikan bahawa Suhaiimi Haji Muhammad telah berjaya menerapkan sifat *Kamalullah* dalam puisi-puisi sufistik Taman Takwa. Hakikat ini merumuskan bahawa kajian-kajian berkaitan puisi yang bercorak Islami harus dilipatgandakan untuk memberi kefaamanan kepada pembaca bahawa penulisan puisi sebagai medium dakwah bukanlah asing dalam sejarah tamadun Islam. Hal ini telah dibuktikan ketika zaman Rasulullah SAW dengan munculnya penyair seperti Hasan Ibn Tsabit, Ka'ab Ibn Malik dan 'Abd Allah Ibn Rawahah, manakala pada zaman seterusnya kita terpana dengan puisi-puisi Jalaluddin al-Rumi, Muhammad Iqbal dan Khalil Gibran.

Begitu juga kajian-kajian yang memokuskan keesaan Allah, iaitu sifat Allah yang *Jamal* dan *Kamal* dalam puisi harus diberi perhatian supaya genre puisi Melayu yang dalam konteks kontemporari sering dilihat terpisah dengan nilai-nilai ilahi dapat kembali memainkan peranan lebih kreatif, kritis dan inovatif menerusi pelbagai medium media sosial dan teknologi ICT untuk memahamkan generasi Y, Z dan alpha yang semakin rapuh dan keliru dengan konsep *Kamalullah* kerana serangan pemikiran Barat seperti sekularisme, liberalisme dan pluralisme. Tegasnya, penyair muslim baik di penjuru dunia manapun bertanggungjawab mendakwahi masyarakat dalam memahami konsep dan wacana *Kamalullah* dengan cara memanfaatkan bakat kesenian, kreativiti dan kebijaksanaan mereka dalam berpuisi.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim. Madinah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd Lithiba'ah al-Mushhaf asy-Syarif.
- A. Halim Ali. (2015). Kesepadan Stail dengan Perutusan Agama dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa. Dlm. A. Halim Ali (pngr.), *Wacana Teori dan Kritikan Sastera*. Selangor: Tg Dot Net.
- Abdul Hadi W.M. (1995). *Hamzah Fansuri: Risalah Tasawwuf dan Puisi-puisinya*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Abdul Ghani Yahya dan Umar Yusuf dalam *Risalah Tauhid*. (1952). Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Hidayah.
- Achma Arfinanto Arsyadani. (2000). *Pemikiran Ketuhanan dalam Puisi Chairil Anwar*. Jakarta: Gramedia.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1988). *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Basha, Abd al-Rahman Ra'fat (1998). *Nahw Madhab Islami fi al-Naqd wa al-Adab*. Kaherah: Dar al-Adab-al-Islami.
- An-Nadwi. (1985). *Al-Adab al-Islami wa Sillatuhu bi al-Hayah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Balqis Haji Abu Bakar. (1981). *Pertentangan antara Rasulullah dan Musyrikin Mekah serta Kesannya Terhadap Perkembangan Sastera di Masa Itu, Sekitar Sejarah dan Tamadun Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Mohammad Saad. (2006). *Aplikasi Takmilah dalam Puisi Al-Amin*. Tesis Sarjana Kesuasteraan Melayu, Sekolah Pengajian Siswazah, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hikmat Basyir, Hazim Haidar, Musthafa Muslim & Abdul Aziz Ismail. *Tafsir Muyassar*. (2009). Madinah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd Lithiba'ah al-Mushhaf asy-Syarif.
- Manu Sikana. (1983). *Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise.
- Mohd. Kamal Hassan. (1980). Konsep Keindahan dalam Islam dan Hubungannya dengan Seni dan Sastera: Satu Pandangan Umum. Dlm. *Dewan Sastera*, Ogos 1980, (121), 37-38.
- Mustafa Mohd. Isa. (1992). *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*. Kuala Lumpur: USM dan Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Qutb, Muhammad (t.th). *Manhaj al-Fan al-Islami*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Rahmah dan Mohd Sharizal. (2011). Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd. Affandi dengan Abu a-Hasan Ali al-Nadwi. Dlm. *E-Jurnal*. <https://www.researchgate.net/publication/223133690>. Januari 2011.
- Salehuddin al-Jawiy. (2004). *Sifat 20 Ilmu Tauhid Awaluddin Ma'rifatullah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Samsina Abd Rahman. (2013). Kembali ke Fitrah dalam Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad. Dlm. *Jurnal Melayu*. (11) 79-98.
- Shafie Abu Bakar. (1996). Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip. Kertas Kerja Seminar Pasca Sarjana, 7-9 Jun 1996, Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan. Anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1997). *Takmilah Himpunan Makalah*. Jabatan Persuratan Melayu, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Haji Muhammad. (2009). *Taman Takwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad al-Kelantani. (2013). *Usul al-Tahqiq*. Kelantan: Ramly Press Sdn. Bhd.
- Zailani Zawawi. (2011). *Novel The Messing Piece: Analisis dari Perspektif Teori Takmilah*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, FBK, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.